

selepas Amerika mengenakan sekatan tersebut. Dalam bahasa lainnya, Emmanuel Macron mahu Eropah memiliki kedaulatan ekonomi yang lebih utuh. Selain itu, beliau juga dilaporkan berunding dengan Iran supaya menandatangani rangka kerja baharu yang melibatkan pembangunan misil balistik dan aktiviti serantau. Inisiatif ini berkemungkinan berdasarkan tuduhan Donald Trump mengenai kaitan Tehran dengan aktiviti terorisme di rantau bergolak itu.

Syarikat minyak gergasi Perancis, Total, antara yang berharap supaya kerjasama perniagaan boleh dikekalkan kerana mempunyai perjanjian yang bernilai RM38.98 bilion (AS\$9.79 bilion) dengan Iran untuk membangunkan kawasan gas luar pesisir. Di samping itu, Total turut melabur sebanyak RM19.90 bilion (AS\$5 bilion) di kawasan gas South Pars. Ketua Eksekutif Total, Patrick Pouyanne, dihabarkan mencuba untuk mendapatkan pengecualian bagi memastikan kerjasama dengan Iran boleh diteruskan walaupun sekatan dikenakan. Selain Total, syarikat gergasi Eropah lain yang turut mempunyai perjanjian dengan Iran ialah Renault dan Airbus.

Sikap Donald Trump yang mengabaikan nasihat daripada pegawai tertingginya turut dibidas oleh pelbagai pihak. Pengerusi Ketua Staf Bersama Amerika, Jeneral Joe Dunford dan Setiausaha Keselamatan Amerika, James Mattis antara yang mendesak Donald Trump supaya Amerika kekal dalam perjanjian itu demi kepentingan keselamatan negara.

Mantan calon Presiden Amerika, Bernie Sanders, pula mengatakan JCPOA bukan sekadar sebuah dokumen perjanjian antara Iran dengan Amerika sahaja, sebaliknya merupakan persepikatan dengan anggota P5 lain serta disahkan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Langkah regresif Donald Trump ini dijangkakan menambah ketegangan dengan negara sekutu seperti Perancis, United Kingdom dan Jerman yang masih menyokong perjanjian itu. Ketiga-tiga buah negara tersebut secara

konsisten mengatakan sokongan itu mempunyai kaitan dengan kepentingan keselamatan negara masing-masing.

Melalui pertemuan lain antara Menteri Luar Iran, Mohammad Javad Zarif dengan Ketua Hal Ehwal Luar Kesatuan Eropah, Federica Mogherini, di Brussels pada Mei lalu, beberapa komitmen dibentuk untuk memastikan perjanjian terus berlangsung. Antara yang ditekankan termasuklah jualan minyak dan gas Iran yang akan diteruskan, transaksi perbankan dengan Iran, hubungan pengangkutan udara, kereta api dan perairan serta pelaburan baharu Kesatuan Eropah di Iran.

Namun demikian, kepimpinan Iran masih skeptikal dengan kesungguhan Eropah untuk meneruskan pelibatan dalam perjanjian ini bagi mengelak daripada dikenakan tindakan oleh Amerika. Setakat yang dilaporkan, hanya sebuah sahaja negara Kesatuan Eropah yang menyokong tindakan Amerika bagi menarik diri, iaitu Poland.

Dalam pertemuan khas pertama di Vienna tanpa pelibatan Amerika, Tehran menggesa Kesatuan Eropah supaya mengemukakan pakej pampasan yang setimpal hingga hujung Mei lalu bagi menampung kerugian yang dihadapi Iran akibat sekatan ekonomi Amerika. Sikap pesimis Tehran terhadap Eropah kerana kebanyakan syarikat dari negara tersebut mempunyai kepentingan dengan Amerika termasuklah Total yang dijangkakan tidak akan mengambil risiko dengan terus berurusan dengan Iran.

Jangkaan ini turut dikukuhkan dengan kenyataan Setiausaha Luar United Kingdom, Boris Johnson, yang mengakui sukar untuk melindungi perniagaan Eropah ekoran kesan lanjutan wilayah (*extra-territorial effect*) oleh Amerika. Selain itu, kesukaran yang lain kepada syarikat adalah kerana kaitannya dengan jaringan kewangan Amerika yang turut berpotensi menerima akibat yang buruk.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Iran menikmati pelbagai peluang pelaburan dan perniagaan apabila sekatan itu pernah dihentikan sebelum ini. Sebanyak 37 peratus eksport minyak Iran tertumpu ke Eropah dan kebanyakan negara Kesatuan Eropah pula merupakan rakan perdagangan utama Iran. Antara tahun 2015 hingga tahun 2017, nilai perdagangan antara Kesatuan Eropah dengan Iran melonjak tinggi daripada RM36.62 bilion (AS\$9.2 bilion) kepada RM99.52 bilion (AS\$25 bilion).

Risiko Sekatan Semula Ekonomi Iran

IRAN sempat menikmati kemakmuran ekonomi apabila bersetuju menyertai Perjanjian Tindakan Komprehensif Bersama (JCPOA) pada tahun 2015, sekali gus telah menghentikan sekatan ekonomi yang ditanggung sebelum ini. Serentak dengan itu, aset beku Iran bernilai RM398.10 bilion (AS\$100 bilion) diperoleh semula. Namun begitu, perkembangan semasa menunjukkan republik itu sekali lagi terpaksa berhadapan dengan cabaran yang sama.

Hal tersebut berlaku selepas Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump, mengambil keputusan dengan menarik diri daripada JCPOA atau turut dikenali sebagai perjanjian nuklear Iran yang dirintis semasa kepimpinan mantan Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama, pada tahun 2015. Lima negara kuasa besar lain yang turut terlibat dalam perjanjian itu ialah Perancis, Britain, Rusia, China dan Jerman.

Pada masa yang sama, Donald Trump bukan sahaja mahu mengenakan semula sekatan terhadap Iran, malahan mengugut untuk meletakkan sekatan itu pada tahap yang lebih tinggi dengan menyarkannya terhadap mana-mana syarikat Eropah yang terus membuat perniagaan dengan republik Islam itu.

Kenyataan ini selari dengan pandangan Perry Cammack daripada Yayasan Carnegie Middle East yang berkata, sasaran utama sekatan kedua Amerika ini bukan kepada Iran, tetapi institusi kewangan asing yang berdagang dengannya. Beliau berkata, Donald Trump meletakkan institusi ini dalam dilema untuk memilih antara sistem kewangan Amerika atau Iran.

Sekatan itu dikenakan semula kerana Donald Trump menuduh kononnya Iran hanya mengurangkan aktiviti nuklear, tetapi masih meneruskan pembangunan senjata seperti misil balistik yang bernilai RM399 bilion (AS\$100 bilion) yang digunakan untuk membiayai aktiviti terorisme di Timur Tengah. Walau bagaimanapun, tuduhan ini dibantah oleh kebanyakan negara yang menyertai perjanjian nuklear.

Presiden Perancis, Emmanuel Macron, antara pihak yang mengambil langkah proaktif dengan



menuduh tindakan Amerika sebagai "tidak serius". Beliau turut mengemukakan hujah laporan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) bahawa Iran masih mematuhi peraturan penting yang ditetapkan untuk mengurus kemudahan nuklearnya.

Semenjak bersetuju dengan perjanjian itu, Iran menerima kehadiran pemantau IAEA sebanyak 10 kali serta dan yang terbaru pada Februari lalu yang mengesahkan Tehran masih mematuhi semua terma yang ditetapkan.

Di samping itu, Emmanuel Macron turut menegaskan bahawa syarikat dari Perancis dan Eropah perlu diberi peluang untuk berurusan dengan Iran walaupun

Presiden Emmanuel Macron, antara pihak yang mengambil langkah proaktif dengan menuduh tindakan Amerika sebagai "tidak serius".

Economics - Globalization
Pg: 43-46

Chr. no: 000275587

ECO2018/A03

EKONOMI ANTARABANGSA

ancaman sekatan Amerika, Renault dan PSA menyaksikan kemerosotan saham dalam bursa saham Paris.

Di samping itu, Iran Khodro turut menandatangani perjanjian dengan bahagian trak Mercedes-Benz yang dimiliki Daimler dari Jerman. Sebuah lagi syarikat kereta Jerman, Volkswagen, mula mengeksport semula kereta ke Iran. Namun begitu, akibat sekatan tersebut, saham dalam beberapa pelaburan, seperti Airbus, Renault dan Peugeot, jatuh mendadak ketika didagangkan pada Mei lalu, manakala pasaran minyak antarabangsa pula menyaksikan peningkatan yang ketara pada tahun ini.

Minyak mentah Brent pada Mei lalu telah mencecah RM307.33 (AS\$77.20) setong semasa mula didagangkan di London, sekali gus menjadikan harga tersebut paling tinggi sejak November 2014.

Di kebanyakan negara tersebut, kelihatan hanya China yang masih teguh berdagang dengan Iran apabila

menjadi rakan dagang utama dan pembeli terbesar minyak mentah. Tambahan pula, China sebagai negara pengimport terbesar minyak mentah dunia memerlukan sumber tenaga, seperti hidrokarbon, yang dimiliki Iran.

Iran merupakan pembekal minyak kelima terbesar ke China, iaitu lebih daripada suku pengeluarannya dihantar ke China. Perdagangan kedua-dua buah negara tersebut dalam industri "emas hitam" ini telah melonjak pada kadar 20 peratus pada tahun 2017 kepada RM147.30 bilion (AS\$37 bilion).

Berbeza daripada kebanyakan negara Eropah yang bimbang akan risiko daripada Amerika, sebaliknya menurut ahli ekonomi dari Beijing Institute of Technology, Hu Xingdou, sekatan baharu itu pula telah meningkatkan peluang perniagaan dan pelaburan kepada China.

Menurut Kementerian Perdagangan China pula, perjanjian nuklear Iran sebelum ini memberikan keuntungan yang besar kepada gergasi Asia itu apabila banyak syarikat China terlibat dalam agenda pembangunan di Iran dengan nilai mencecah sekitar RM131.37 bilion (AS\$33 bilion) pada Jun 2017. Sudah tentu minat

luar biasa China kepada Iran ini ada hubung kaitnya dengan inisiatif Belt & Road (BRI). Malahan pada September lalu, China turut berbesar hati untuk menyediakan bantuan RM39.81 bilion (AS\$10 bilion) dalam bentuk pinjaman kepada lima buah bank untuk mendanai projek pengangkutan, tenaga dan air.

Kerjasama kedua-dua buah negara terus dieratkan apabila pada Mac lalu, Beijing-Tehran telah menandatangani perjanjian yang bernilai RM2.8 bilion (AS\$700 juta) yang mengizinkan China membina landasan kereta api yang menghubungkan antara Pelabuhan Bushehr dengan jaringan landasan pengangkutan yang lain di seluruh Iran.

Dalam sektor minyak dan gas pula, China melalui syarikat minyak negara, China National Petroleum Corporation (CNPC) pula berminat untuk menggantikan Total serta mengembangkan kawasan gas yang luas di Iran. Menteri Minyak Iran, Bijan Namdar Zanganeh, berkata jika Total menarik diri, sahamnya dalam projek South Pars 11 yang bernilai RM19.11 bilion (AS\$4.8 bilion) itu, dijangkakan lebih separuh daripadanya akan diserahkan kepada CNPC.

Di samping itu, China turut bercadang untuk menguatkan mata wang Yuan dengan memastikan urusan niaga dengan Iran menggunakan mata wang tersebut bagi menyaingi pengaruh Dolar dan Euro sebelum ini.

Sebuah syarikat membuat peralatan alat telekomunikasi China, ZTE, sebelum ini dikenakan tindakan apabila diharamkan daripada memperoleh alat teknologi dari Amerika selepas dituduh melanggar sekatan Amerika apabila terus berurusan niaga dengan Iran dan Korea Utara. Walau bagaimanapun, dalam kerjasama dengan Tehran, seperti ditegaskan jurucakap Kementerian Luar China, Geng Shuang, Beijing akan terus mengurus niaga dengan Tehran secara normal dan bekerjasama dengan amalan yang telus tanpa membelakangkan sebarang obligasi antarabangsa.

Sekiranya China berterusan membawa pelaburan ke Iran, Amerika akan berhadapan dengan kesukaran untuk mengecikan peranan Iran yang pengaruhnya semakin melebar di Timur Tengah, yakni bertentangan dengan langkah awal Donald Trump yang menjangkakan Tehran berhadapan dengan kegawatan politik dan ekonomi. •



Dari kiri: Hassan Rouhani, Donald Trump, Emmanuel Macron dan Mohammad Javad Zarif.

Eksport Jerman ke Iran pula mencecah RM6.97 bilion (AS\$3.50 bilion) pada tahun 2017, manakala eksport Perancis meningkat daripada RM2.607 bilion (AS\$655.10 juta) pada tahun 2015 kepada RM6.97 bilion (AS\$1.75 bilion) pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, Iran kelihatan bersedia untuk berhadapan semula dengan sekatan ini. Malahan menurut Presiden Hassan Rouhani, program pengayaan uranium yang akan meningkatkan keupayaan dalam penghasilan bom nuklear akan dilaksanakan semula.

Pada masa yang sama, risiko yang bakal dihadapi oleh rakyat Iran ialah krisis pengangguran yang meningkat, kemusnahan ekonomi serta kekurangan bekalan penting seperti makanan dan perubatan. Selain itu, banyak perjanjian yang bernilai berbilion Dolar berdepan dengan ancaman akibat sekatan ini. Perjanjian penting itu pula meliputi pelbagai sektor seperti minyak dan gas, penerbangan serta industri automatik, manakala negara yang segera mengadakan pelaburan ialah Perancis, United Kingdom dan Jerman.

Lewat tahun 2016, selain Total, Iran turut menerima kehadiran pelaburan asing, seperti Royal Dutch Shell, yang berminat untuk membangunkan kawasan minyak dan gas di Azadegan Selatan, Yadavaran dan Kish. Terdahulu, jual beli kapal terbang RM155.26 bilion (AS\$39 bilion) antara dua buah syarikat penerbangan gergasi, Airbus dan Boeing dengan Iran termeterai. Walau bagaimanapun, dengan

sekatan itu, Setiausaha Perbendaharaan Amerika, Steven Mnuchin berkata, lesen eksport dua buah syarikat itu ke Iran akan dibatalkan.

Perjanjian terbesar yang pernah dicapai ialah apabila IranAir turut bersetuju untuk membeli 100 buah kapal terbang daripada Airbus. Walaupun Airbus ialah syarikat Eropah, tetapi lebih daripada 10 peratus komponen dan buruh yang digunakan untuk membina kapal terbang datang dari Amerika. Syarikat penerbangan British Airways turut mengadakan penerbangan terus dari Heathrow, London ke Tehran pada tahun 2016 selepas sekatan itu dihentikan. Namun demikian, sukar dipastikan perkembangan selepas ini walaupun boleh dijangkakan keputusan negatif yang akan dicapai.

Dalam industri automatik pula, semasa sekatan dihentikan sebelum ini, Renault dari Perancis telah menandatangani perjanjian bernilai RM3.1 bilion (AS\$778 juta) untuk mengeluarkan 150 ribu buah kereta setahun di Iran, manakala PSA yang memiliki Citroën, Peugeot and Vauxhall, menyaksikan peningkatan jualan kereta di rantau itu. PSA yang turut mengeluarkan kereta di Iran mempunyai usaha sama dengan syarikat tempatan, Iran Khodro. Malangnya akibat

Perjanjian terbesar yang pernah dicapai ialah apabila IranAir turut bersetuju untuk membeli 100 buah kapal terbang daripada Airbus.

China sebagai negara pengimport terbesar minyak mentah dunia memerlukan sumber tenaga, seperti hidrokarbon, yang dimiliki Iran.